



**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
(Ministry Of Science, Technology and Innovation)
Batu 24, Jalan Dengkil,
43800, Dengkil, Selangor**



29 Disember 2015
Notis Pemberitahuan AELB
Bil. 03/2015

SEMAKAN KADAR FI BAGI KAD PEKERJA

TUJUAN

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini adalah untuk memaklumkan mengenai semakan ke atas kadar fi bagi kad pekerja.

LATAR BELAKANG

2. Pekerja¹ yang telah diiktiraf oleh jabatan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) akan dibekalkan dengan kad pekerja. Kad pekerja ini dibekalkan dengan tujuan untuk memudahkan pengenalpastian identiti pekerja yang telah diiktiraf oleh AELB.

3. Merujuk kepada subseksyen 10(1) Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304), Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (Lembaga) adalah berkuasa mengenakan dan menerima fi dan, melalui kerajaan Malaysia, mendapatkan kembali fi kerana apa-apa perkhidmatan yang diberi oleh Lembaga.”

¹ “pekerja” ertinya mana-mana orang yang bekerja di bawah arahan pemegang lesen, sama ada atau tidak dia diambil kerja oleh pemegang lesen itu, dalam pengendalian atau penggunaan, atau yang akan bersentuhan dengan mana-mana bahan radioaktif, bahan nuklear, benda yang ditetapkan atau radas penyinaran.

4. Berdasarkan peruntukan tersebut, Lembaga telah mengenakan fi terhadap perolehan kad pekerja. Kadar fi yang dikenakan adalah RM5.00. Walau bagaimanapun, memandangkan kos pengeluaran kad semakin meningkat, kadar fi bagi kad pekerja ini telah disemak semula.

KEPUTUSAN DAN ARAHAN AELB

5. Merujuk kepada Pemberitahuan Fi Kad Pekerja [Warta Kerajaan Persekutuan No. 41807] bertarikh 22 Disember 2015, Lembaga bersetuju mengenakan fi bagi kad pekerja sebanyak **RM10.00** untuk tempoh setahun.

PENGUATKUASAAN ARAHAN

6. Arahan ini adalah berkuatkuasa mulai **1 Januari 2016**.

PENUTUP

7. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan AELB menggunakan alamat di bawah.

Pengarah Bahagian Dasar dan Hubungan Luar

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Batu 24, Jalan Dengkil

43800 Dengkil, Selangor

No. Tel : +603-89225888

No. Faks : +603-89223685

E-mel : pbs@aelb.gov.my

Laman Web : www.aelb.gov.my